

Lawatan Najib Ke Singapura Untuk Terus Kukuhkan Hubungan Dua Hala: Duta Bernama

17 Februari, 2013

Oleh Tengku Noor Shamsiah Tengku Abdullah

SINGAPURA, 17 Feb (Bernama) -- Lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak ke Singapura pada Isnin dan Selasa akan membuka jalan kepada lebih banyak kerjasama dan mengukuhkan lagi hubungan ekonomi sedia ada antara kedua-dua negara jiran, kata Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Singapura, Datuk Md. Hussin Nayan.

"Hubungan dua hala semasa telah pesat meningkat. Sempena lawatan perdana menteri kita ke sini, kita boleh menjangka peningkatan usahasama komersil dengan bantuan kerajaan," katanya kepada Bernama.

Najib akan membuat lawatan rasmi ke Singapura dan Iskandar Malaysia, Johor pada 18-19 Feb, sempena Mesyuarat Pemimpin Malaysia-Singapura ke-4.

Mesyuarat itu adalah wadah perbincangan dua hala mengenai pelbagai isu dua hala dan serantau Malaysia dan Singapura.

Perdana menteri itu akan disertai oleh isterinya Datin Seri Rosmah Mansor, Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman, beberapa orang menteri kabinet dan pegawai kanan kerajaan.

Md. Hussin berkata pemimpin kedua-dua negara juga dijadualkan mengkaji semula kemajuan projek-projek yang sedang berlangsung oleh Khazanah Nasional Bhd dan Temasek Holdings (Private) Ltd di Singapura dan Iskandar Malaysia.

"Mungkin juga akan ada pengumuman projek-projek baharu yang menandakan kelangsungan hubungan dua hala kita," katanya sambil menambah: "Mari tunggu perdana menteri membuat pengumuman."

Sebelum ini, dalam satu kenyataan, Kementerian Luar berkata Najib dan rakan sekerjanya, Perdana Menteri Lee Hsien Loong, dijadual merasmikan pembangunan bersama oleh Khazanah dan Temasek di Singapura dan Iskandar Malaysia.

Ia berkata pembangunan bersama itu adalah projek Marina One dan DUO yang dijalankan oleh M+S Pte Ltd di Singapura, dan Urban Wellness and Resort Wellness oleh Pulau Indah Ventures Sdn Bhd di Iskandar Malaysia.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=928483>